

LAPORAN KHAS BERNAMA

Unt u k s i at-an segera

USAHA SE JAGAT DI PERLUKAN DEMI PEMBANGUNAN DAN ALAM SEKITAR
KERANA DUNIA INI HANYALAH SATU

Oleh Tai Sing Onn

(i)

Alam sekitar dan pembangunan. Kedua-duanya mest i bergerak seiring . Anda tidak boleh mempunyai satu dan tinggalkan yang satu lagi. Anda tidak boleh menyelesaikan isu alam sekitar secara mudah sebagai satu masalah yang berbeza dan berasingan. Kerana terlalu mempermudahkannya, satu isu men j e j askan isu yang lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad men j elaskan perkara ini dalam ucapan tegasnya di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York minggu lalu.

Menyentuh mengenai alam sekitar , Dr. Mahathir berkata, perlu dijelaskan' sama ada mesyuarat di Rio de Janeiro akan merupakan satu mesyuarat yang membina atau satu scssi yang hanya akan menghentam negara-negara Dunia Ketiga.

Beliau berpendapat, mesyuarat itu sepatutnya digunakan untuk membincangkan dan mencapai kata sepakat mengenai t indakan bersama berhubung deng an pembangunan dan alam sekitar.-- lagi

♥30/09/12-49MST
U ZB 30-09 00075 PC219

Alam Sekitar 2 Laporan Khas

Begitu jugalah yang terkandung di dalam makalah 17 muka oleh Richard Sandbrook dalam keluaran terbaru 'Journal of International Affairs' yang berpejabat di Washington.

Dalam rencananya bertajuk 'Pembangunan Penduduk dan Alam Sekitar' beliau berkata, azam mengaitkan keutamaan pembangunan dengan soal alam seki tar t bukanlah perkara baru.

Malahan, katanya, ia men j aditema pent ing Persidangan Stockholm menyenai Alam Seki tar Manusia 20 tahun lalu.-- lagi

♥30/09/12-49MST
U ZB 30-09 00117 PC220

Alam Sekit ar 3 Laporan Khas

Beliau meny ifatkannya sebagai +anih+ kerana banyak usaha diplomat ik t terpaksa di lakukan tahun lalu di Perhimpunan Agung PBB untuk mewu j udkan semula kaitan bag i persidangan ulang tahun ke-20 tahun depan.

Mengapa ini mest i ter j adi, soal Encik Sandbrook , memandangkan kebanyakan bahan sastera dan analisis yang diterbitkan sejak persidangan Stockholm sudah jelas dan cukup untuk menun j ukan +kaitan 'antara gembangunan ekonomi dengan dasar pembangunan alam sekitar' . +

Beliau berpendapat, jawapan muclah kepada persoalan ini ialah kerana ia lebih mudah dan lebih murah untuk mengasingkannya dan membuat kesimpulan: +Adalah jauh lebih murah untuk mengambil berat tentang beruang panda dan gajah daripada men j aga manusia yang hidup bersama binatang itu. +-- lagi

♥30/09/12-50MST
U ZB 30-09 00110 PC221

Alam Sekitar 4 Laporan Khas

Beliau set erusnya menerangkan, **ahli persatuan** pencinta alam atau **sekurang-kurangnya** sebahagian **claripacla mereka yang mendakwa** mewakili persatuan itu, nampaknya menunjukkan simpati dengan pandangan tersebut, clengan member-i lebih penekanan ke atas nasib alam semulajadi daripada nasib manusia, seolah-olah manusia bukan sebahagian daripada alam semula jadi.

+Persoalan sekecil ini... mencetuskan masalah apabila soal kemiskinan, persamaan, kema jua n dan hasrat manusia dibangkitkan...

+Mengatasi isu alam sekitar sahaja akangagal kecuâli cialam keadaan luarbiasa. Oleh yang demikian, mereka yang mengambil berat tentang perubahan persekitaran dunia mest ilah juga mengambil berat tentang pembangunan.

Encik Sandbrook **berpendapat**, evolusi pemikiran mengenai pembangunan ekonomi dan perlindungan alam sekitar tidak berlaku seiring. -- lagi

♥30/09/12-50MST

U ZB 30-09 00105 PC222

Alam Sekitar 5 Laporan Khas

Be liau bagaimanapun merasakan bahawa keadaan mula berubah. **Katanya**, +sebab dan kesan keadaan alam sekitar yang semakin buruk menjadi perhatian pelbagai pertubuhan dan agensi yang menyokong pembangunan (Encik Sandbrook menyebut **Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP)** Pertubuhan Manakan dan **Pertanian (FAO)** dan **(UNICEF)** sehingga hari ini, ia menjadi kelaziman di kalangan anggota kumpulan itu menekankan tentang hubungan ant ar alam sekitar dengan pembangunan untuk menseimbangkan usaha pembangunan yang dipercepatkan dan meningkatkan belanjawan institusi .+

Katanya, +sekarang t iba masanya bagi sesetengah p e n c i n t a alam berfikiran seperti kumpulan penyokong pembangunan itu supaya dapat memupuk satu perjuangan bersama. + -- lagi

♥30/09/12-50MST

U ZB 30-09 00113 PC223

Alam Sekitar 6 Laporan Khas

Mengenai isu-isu yang akan dihadapi oleh masyarakat antarabangsa, sehingga Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan diadakan tahun depan, Encik Sandbrook berkata, +isu-isu itu 1: erbukti tidak sama dengan yang dihadapi oleh dunia pada tahun 1972 .+

+Bagaimanapun, pokoknya tetap sama, setakat ini kemiskinan dan perindustrian yang tidak terkawal masih menjadi punca utama kerosakan alam selitar. +

+Tetapi kita mest ilah mengambil kira tambahan seribu juta orang lagi dalam perkiraan dasar' kita sekarang. +

+Pertambahan 25 peratus penduduk dunia dalam tempoh tersebut bererti kita kini ternyata menghadapi kesan kerosakan alam sekitar di merata dunia, bukan serantau atau di sesuatu tempat sahaja, . + -- lagi

♥30/09/12-51MST

Alam Sekitar 7 Laporan Khas

Encik Sandbrook berkata, apa yang kerap kali tertinggal dalam perbincangan ini ialah kaitan antara kemiskinan, jangka hayat dan bilangan kelahiran yang hidup dalam sesebuah keluarga.

+Mengatasi isu penduduk bermakna, dalam kebanyakan kes, membalas kemiskinan terlebih dahulu. Iklim, perubahan, pencemaran akibat perindustrian dan pemusnahan biodiversiti dan tabiat tidak dapat di jadikan perbandingan terhadap perlunya mengatasi isu tersebut dengan kesengsaraan yang sedang dihadapi oleh lebih seribu juta penduduk.

+Hanya dengan menyatukan soal kemiskinan dalam perhitungan itu barulah masalah alam sekitar dapat diatasi. -- lagi.

♥30/09/12-51MST

U ZB 30-09 0014.6 PC225

Alam Sekitar 8 Laporan Khas

Malangnya, kata **Encik Sandbrook**, tanda-tanda dari mesyuarat Jawatankuasa Persediaan di Nairobi pada Ogos tahun lalu bagi persidangan tahun depan ialah nasib penduduk miskin akan diletakkan di tempat kedua, selepas isu pelbagai biologi, penebangan hutan dan kepanasan dunia atau global warming.

+Malah sukar untuk dipercayai bahawa lebih setengah daripada negara-negara di muka bumi ini membiarkan sebarang perubahan berlaku tanpa mengambil kira nasib penduduknya terlebih dahulu.

Encik Sandbrook berkata, bagi persidangan tahun depan, adalah penting penduduk yang ditindas di dunia diwakili oleh agensi-agensi yang ditubuhkan untuk membantu mereka.

+Akibatnya, UNDP dan agensi-agensi Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain mempunyai cabaran besar yang perlu diatasi.

+Badan-badan itu perlu digerakkan untuk membuat demonstrasi berasaskan sebuah negara ke sebuah negara, apa yang diperlukan untuk mencapai keadaan ekonomi dan alam sekitar yang mantap sekurang-kurangnya dari segi prospek. -- lagi

♥30/09/12-51MST

CNS1205

U ZB 30-09 00111 PC226

Alam Sekitar 9 Laporan Khas

+Cara untuk melakukannya ialah melalui laporan yang jujur dan jelas, bukan melalui laporan yang hanya untuk menaikkan nama sesebuah agensi sahaja.

+Cabaran sebenar ialah untuk mengumpulkan **dasar dalam satu bentuk yang** boleh mengaitkan pembangunan dengan alam sekitar.

+Masalah lahiriah seperti beban hutang, syarat-syarat perdagangan dan pemindahan teknologi mesti lah didedahkan dalam pertikaian sebenarnya: Masalah mengenai perlindungan alam sekitar dan pembangunan manusia.

+Kemajuan akan hanya tercapai melalui penyelarasan. Di Utara, satu cabaran ialah untuk memasukkan soal **persekitaran dalam negeri ke dalam** "Clasar luar" supaya soal bantuan kewangan dan peluang perdagangan bagi negara-negara Selatan diatasi dengan wajar. -- lagi

♥30/09/12-51MST

CNS1206

UZB 30-09 00115 PC227

Alam Sekitar 10 Laporan Khas

Selain itu, mengenai pengeluaran i-gas greenhouse+...,, 'Encik Sandbrook menegaskan, '75peratus daripada pengeluaran gas tersebut adalah dari Amerika Syarikat dan Eropah Barat.+...

Sebagai kesimpulan, katanya,+Pendeknya, dunia sudah melihat terlalu banyak penilaian sejagat - dan persidangan sedunia - yang tidak menghasilkan apa-apa cuma kenyataan yang berulang-ulang.

+Percakapan se j agat mengenai kemusnahan alam sekitar mestilah digantikan dengan kajian khusus set iap negara , dasar untuk perubahan dan penglibatan antarabangsa untuk melaksanakannya menjadi kenyataan.

+Kegagalan untuk memulakan proses tersebut' menielang 1992 bermakna masyarakat antarabangsa akan sekalilagi terjerumus ke dalam arena +kata-kata berbunga+ sahaja tanpa sebarang hasil dicapai untuk pembangunan dan alam sekitar .+ -- lagi.

♥30/09/12-51MST

CNS1207

UZB 30-09 00136 PC228

Alam Sekitar 11 Laporan Khas

Satu lagi rencana yang terdapat dalam jurnal itu menyatak akan +sungguhpun kebanyakan kemusnahan alam sekitar berlaku di negara-negara membangun, contoh ekonomi dunia ma ju mesti diubah memandangkan cita-cita pembangunan negara Dunia Ketiga mencerminkan arahhidup negar'a-negara ma ju dan pencapaian ekonominya.+

+Carahidup negara-negaramaju boleh dibezakan melalui penggunaan kadar tenaga, air, hasil'galian yang dianggarkan 10 kali lebih tinggi daripada negara-negara membangun.+

Dari situ kita dapat saksikan bahawa gesaan Malaysia supaya dilindungi. . alam sekitar mengambil kira pembangunan sesebuah negara..

Tindakan se j agat menangani masalah b'erkembar itu sangat-sangat diperlukan -- bukansikapangkuh neyara-negara ma ju yang cuba melaksanakan satu bentuk pen j a j ahan he atas ncgara-negara membangun.

Tugasmengatasimasalahalam sekitar dan pembangunan hendaklah dikongsi oleh semua negara kerana kita hanya mempunyai SATU DUNIA. -- Bernama

♥30/09/12-51MST